

## **Analisis kelemahan penggunaan retorik penerangan dalam karangan bahasa Melayu murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka**

<sup>1</sup>, Nurul Fazlina Md. Rodi <sup>2\*</sup> Mariyati Mohd Nor  
*Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia*  
*\*Corresponding author: mariyati@fbk.upsi.edu.my*

**To cite this article (APA):** Md. Rodi, N. F., & Mohd Nor, M. (2024). Analisis kelemahan penggunaan retorik penerangan dalam karangan bahasa Melayu murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 14(1), 59–71. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol14.1.8.2024>

Received: 26 June 2023; Accepted: 14 January 2024; Published: 02 May 2024

### **Abstrak**

Retorik merupakan satu subbidang linguistik yang digunakan dalam sebuah penulisan untuk menampilkan penulisan yang menggunakan bahasa yang berseni, indah dan berkesan. Penggunaan retorik juga dapat menekankan penggunaan aspek kesantunan, keterampilan dan pengaplikasian bahasa yang lebih baik dalam bentuk lisan dan bukan lisan. Selain itu, pemilihan penulisan karangan adalah bersesuaian sebagai salah satu instrumen utama dalam kajian untuk membuktikan keberkesanan penggunaan retorik dalam penulisan karangan murid. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis penggunaan retorik penerangan dalam karangan Bahasa Melayu murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. Oleh hal yang demikian, terdapat tiga objektif utama kajian ini dilakukan iaitu mengenal pasti tahap kefahaman pelajar mengenai konsep retorik penerangan dalam karangan Bahasa Melayu, menganalisis penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka dan menghuraikan keberkesanan pengajaran teknik retorik penerangan dalam karangan murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. Hasil dapatan kajian dihuraikan secara kuantitatif dengan menggunakan karangan pelajar dan juga soal selidik serta disokong dengan dapatan kualitatif melalui temubual. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan retorik penerangan berdasarkan sebab dan akibat paling kerap digunakan pelajar dalam penulisan karangan sebanyak 27 kekerapan bersamaan 36%. Hal ini demikian kerana, penggunaan retorik penerangan ini dapat membantu pelajar melakukan pertautan dan kesinambungan idea yang tepat agar penulisan karangan menjadi lebih menarik dan bermaklumat.

**Kata kunci:** Kelemahan, penerangan, retorik, karangan, bahasa Melayu

### **Abstract**

*Rhetoric is a subfield of linguistics that is used in writing to present writing that uses language that is artful, beautiful and effective. The use of rhetoric can also emphasize the use of aspects of politeness, skill and better application of language in oral and non-verbal forms. In addition, the selection of essay writing is appropriate as one of the main instruments in the study to prove the effectiveness of the use of rhetoric in student essay writing. The purpose of this study was to analyze the use of descriptive rhetoric in the Malay language essays of form four students at SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. Therefore, there are three main objectives of this study which are to identify the level of students' understanding of the concept of explanatory rhetoric in Malay essays, analyze the use of explanatory rhetoric in the writing of Malay essays by form four students at SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka and describe the effectiveness teaching descriptive rhetorical techniques in the essays of form four students at SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. The results of the study show that the use of explanatory rhetoric based on cause and effect is most often used by students in writing essays with a frequency of 27 equal to 36%. This is because the use of explanatory rhetoric can help students link and connect the right ideas so that the writing of the essay becomes more interesting and informative.*

**Keywords:** Weaknesses, explanation, rethorics, essay, Malay

## Pengenalan

Penulisan karangan merupakan elemen yang terpenting dalam pendidikan bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana penulisan karangan membawa pemberatan markah yang amat besar dalam ujian terutamanya murid tingkatan empat yang bakal menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia pada tahun akan datang. Oleh itu, kemahiran menulis murid perlulah dititikberatkan oleh guru agar pelajar boleh membina struktur ayat dan menghurai dengan lebih baik. Kemahiran ini perlu dikuasai dengan baik bagi setiap murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. Hal ini demikian kerana, kemahiran menulis amat penting dalam mengetahui tahap kemampuan pelajar untuk menggambarkan, menerangkan dan menghuraikan sesuatu perkara dalam bentuk penulisan. Oleh sebab itu, bagi menghasilkan sebuah penulisan yang baik, kemahiran dalam penyusunan struktur ayat dan pembinaannya haruslah mantap dan gramatis. Sebagai contoh, dalam pembinaan perenggan bagi sesebuah karangan, pembinaan ayat topik, huraian dan kesimpulan memerlukan pemilihan kata, pembinaan ayat yang gramatis dan sebagainya. Sekiranya kemahiran tersebut dapat dikuasai dengan baik oleh murid, maka pembinaan perenggan yang dihasilkan adalah berkesan dan dapat difahami dengan baik berdasarkan penulisan karangan murid.

Sesebuah penulisan atau pengucapan itu memerlukan pemakaian bahasa retorik yang bersesuaian dengan konteks yang akan dibicarakan agar penyampaian idea atau maklumat dapat difahami dengan jelas. Pemilihan dalam penggunaan retorik juga perlu diteliti dengan baik agar retorik yang digunakan adalah bersesuaian. Hal ini demikian kerana, menurut Sobariah Baharum (2008) menyatakan bahawa maksud retorik dari persepektif penulisan merupakan seni penulisan yang menggunakan bahasa yang indah, bergaya, menarik dan berkesan dalam mempengaruhi pembaca. Oleh sebab itu, penggunaan retorik bertujuan untuk memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa agar berupaya mempengaruhi pembaca di samping menyampaikan maklumat atau perkara dengan lebih berkesan.

Awang Sariyan (2006) menyatakan retorik sebagai satu bentuk strategi komunikasi berbahasa yang menekankan aspek keberkesanan dalam perhubungan. Retorik juga melibatkan soal keterampilan atau kemahiran seseorang mengajukan buah fikiran, idea, atau gagasan. Hal ini demikian kerana, penggunaan retorik yang berkesan adalah berdasarkan cara atau teknik penulis dalam melontarkan idea mahupun maklumat yang ingin disampaikan melalui penulisan. Selain itu, Lanham (1991) turut menyatakan bahawa retorik mampu membantu penulis menyampaikan pendapat, idea, tanggapan, saranan atau perasaan dan mendapatkan keyakinan pembaca. Keberkesanan penyampaian maklumat bergantung kepada cara penulis menyampaikan idea melalui penulisan terutamanya dalam penulisan novel.

Dalam penulisan karangan, kemahiran seseorang murid dalam memilih penggunaan retorik yang tepat juga amatlah penting. Hal ini demikian kerana, kemahiran murid ketika menghurai, mengolah dan mengaitkan dalam penulisan menunjukkan tahap kematangan dan pengalaman berbahasa murid tersebut. Kemahiran menulis perlulah dikuasai dengan baik oleh seseorang murid untuk menghubungkan idea dengan konteks agar sesebuah penulisan itu menjadi lebih berkualiti dan mudah difahami. Kegagalan murid untuk menguasai kemahiran menulis akan menyebabkan pembinaan ayat topik dan huraian idea menjadi sebuah penulisan yang lemah dan kurang menarik.

Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa penulisan yang baik memerlukan penggunaan retorik dalam penulisan karangan murid untuk meyakinkan pembaca di samping dapat menghasilkan sebuah penulisan yang menarik. Penghasilan sebuah penulisan karangan yang menarik iaitu dari segi penghuraian yang lebih jelas, penggunaan retorik penerangan adalah lebih baik dan berkesan di samping hanya befokus kepada penekanan unsur tatabahasa, sintaksis dan morfologi.

Kajian mendapati bahawa kelemahan murid untuk menghasilkan penulisan karangan yang baik adalah disebabkan kurangnya kemahiran murid dalam menerangkan idea dengan lebih menarik dan jelas. Selain itu, penulisan karangan murid juga tidak mempunyai kesinambungan idea untuk menjana pemikiran pembaca. Kesinambungan idea dalam penulisan karangan amatlah penting terutama dalam penulisan karangan yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat, menghuraikan sesuatu perkara dan sebagainya. Di samping itu, kelemahan ini juga berlaku adalah disebabkan murid kurang didedahkan dengan penghasilan karangan yang menggunakan perkataan dan ayat yang betul dari aspek morfologi dan sintaksis. Oleh sebab itu, penulisan karangan yang dihasilkan tidak menepati ciri penulisan yang baik iaitu ayat yang kurang gramatis dan kurang tepat.

Berdasarkan kajian yang ingin diketengahkan iaitu teknik retorik penerangan dalam penulisan karangan murid perlulah diberikan perhatian sebaiknya. Penggunaan retorik penerangan dalam penghasilan penulisan karangan banyak membantu murid menghasilkan karangan yang baik terutama untuk memperoleh markah yang tinggi dalam peperiksaan. Hal ini demikian kerana, pendedahan tentang retorik penerangan kepada murid, membolehkan murid mampu untuk membina ayat yang sistematik dalam penghasilan penulisan karangan di samping penggunaan retorik penerangan membantu murid melakukan pertautan idea yang utuh dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

Selain itu, kajian ini dijalankan adalah disebabkan oleh murid tidak mahir menggunakan retorik penerangan sebagai asas panduan ketika menulis karangan. Oleh yang demikian, karangan yang dihasilkan kurang memuaskan dan kurang menarik. Di samping itu, karangan yang dihasilkan juga tidak akan memberi kesan kepada pembaca akibat kekaburan dalam menyampaikan maklumat dalam penulisan yang dihasilkan. Hal ini disebabkan oleh, kurangnya kemahiran murid untuk mengaitkan atau membuat pertautan idea dalam penulisan. Oleh yang demikian, telah menjadi satu tanggungjawab guru untuk memperkenalkan kaedah atau teknik yang sesuai digunakan oleh murid untuk menghasilkan karangan yang lebih baik dan bermakna.

Pengajaran yang lebih berfokus kepada isi karangan secara langsung merupakan salah satu kesilapan yang sering dilakukan oleh guru. Hal ini demikian kerana, guru sering memberi fokus kepada isi karangan berbanding penghasilan ayat yang gramatis dalam penulisan karangan dan bukannya penggunaan teknik yang bersesuaian untuk diguna pakai dalam penulisan agar karangan yang dihasilkan membolehkan pelajar menulis ayat yang gramatis. Kesannya, murid akan lebih mementingkan isi karangan berbanding menghasilkan ayat yang lebih bermakna dan tidak dapat menulis huraian dengan baik. Hal ini kerana, penggunaan retorik yang tepat mampu menghasilkan sebuah penulisan karangan yang menarik dengan mengaitkan idea dan menghuraikan dengan lebih baik.

Berdasarkan permasalahan berikut pengkaji memilih untuk mengkaji penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu murid tingkatan empat. Hal ini demikian kerana, pengkaji beranggapan bahawa penguasaan retorik penerangan oleh seseorang murid perlu didedahkan supaya murid mampu menghasilkan sebuah karangan yang jelas, mempunyai kesinambungan dan pertautan idea yang tepat dan penyampaian mesej tertentu dalam penulisan karangan mereka.

### Kerangka Konseptual

Kajian berkaitan dengan penggunaan retorik dalam pelbagai gaya penulisan telah dikenalpasti oleh pengkaji. Terdapat beberapa kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang menyelidiki tentang penggunaan retorik.

Kajian yang telah dijalankan oleh Zamimah Osman dan Nuraini Yusoff (2019), memfokuskan tentang retorik penulisan ilmiah menurut prinsip kerjasama Grice. Penulisan retorik yang difokuskan membincangkan berkenaan strategi retorik dalam penulisan makalah ilmiah berbahasa Melayu dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan yang diterbitkan dalam jurnal yang diindeks oleh Scopus. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan analisis kandungan dan strategi retorik penulisan dianalisis berdasarkan kepada Teori Prinsip Kerjasama Grice (Grice, 1975). Dapatan kajian memperlihatkan penulisan makalah ilmiah berbahasa Melayu yang dikaji tidak mematuhi sepenuhnya keempat-empat maksim yang disenaraikan dalam teori Grice. Kajian juga mendapati maksim relevan dan maksim cara dapat diserap ke dalam maksim kualiti dan maksim kuantiti. Dapatan ini memberi perspektif baharu kepada teori Prinsip Kerjasama Grice. Kajian ini telah membuktikan bahawa Prinsip Kerjasama Grice (Grice, 1975) yang terdiri daripada empat maksim, iaitu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim relevan dan maksim cara boleh dimanfaatkan sebagai satu strategi retorik penulisan untuk menghasilkan penulisan makalah ilmiah yang baik. Makalah ini diharap dapat dijadikan panduan dalam menghasilkan penerbitan makalah yang berkualiti dan dapat diterbitkan serta diindeks dalam jurnal ilmiah berimpak tinggi untuk mengenalpasti struktur dan gaya bahasa yang digunakan oleh Abdullah Hussain dalam karya novel yang ditulis oleh beliau.

Dalam kajian Asrul Azuan Mat Dehan dan Nor Azuwan Yaakob (2015) pengkaji berfokus tentang penggunaan teknik retorik dan kekerapan penggunaan teknik retorik dalam novel Salina. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan, penulis novel Salina iaitu A. Samad Said menekankan lima jenis retorik dalam karyanya iaitu teknik penceritaan, pendedahan, pemujukan, pemerian dan penerangan. Hasil kajian mendapati bahawa kekerapan penggunaan teknik penceritaan banyak digunakan oleh A. Samad Said dalam penulisan karyanya. Oleh hal yang demikian, kepenggunaan teknik retorik yang digunakan oleh A. Samad Said bertujuan untuk memberi kesan kepada pembaca.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Asrul Azuan Mat Dehan dan rakan sekerja (2017) memfokuskan penulisan kreatif yang menggunakan teknik retorik dalam penulisan kreatif yang berfungsi sebagai komunikasi secara langsung dan bukan langsung antara pengarang dan pembaca. Kajian ini juga menggunakan kerangka gaya retorik yang dibina oleh Corbett dan Connors (1999) dan beberapa teori tokoh lain untuk menyokong hujah yang dihuraikan oleh Asrul Azuan Mat Dehan dan rakan sekerja (2017). Kaedah kuantitatif digunakan bagi tujuan penganalisan data.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dinyatakan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa permasalahan dan penambahbaikan yang telah diselesaikan dalam kajian ini. Kebanyakan kajian lepas mengkaji penggunaan retorik penerangan dalam penulisan novel, manakala kajian yang dijalankan berfokus kepada penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kefahaman murid sekolah tentang pembelajaran retorik penerangan. Hal ini bertujuan untuk mendedahkan kepada murid sekolah mengenai kaedah lain untuk menguasai kemahiran penulisan karangan. Selain itu, kajian ini juga

dilakukan untuk melihat keberkesanan penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan murid. Kajian ini dijalankan dengan memerlukan pelajar menulis karangan bahasa Melayu dengan menggunakan teknik retorik penerangan ketika menulis karangan dan dianalisis penggunaannya untuk mendapatkan keberkesanan dalam penggunaan teknik retorik yang digunakan.

Kajian ini perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan keberkesanan dan kesesuaian penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Maklumat ini adalah penting untuk dijadikan sebagai rujukan guru bahasa Melayu dalam memantapkan lagi pengajaran mereka dalam kemahiran menulis karangan pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana, guru bahasa Melayu juga boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan mereka dalam pengajaran menulis karangan bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji-pengkaji bahasa juga dapat menggunakan maklumat ini sebagai input tambahan dalam bidang bahasa dan digunakan untuk ditambah baik dalam kajian yang akan datang.

### **Objektif kajian**

Secara khususnya, kajian ini merangkumi objektif-objektif seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap kefahaman pelajar tentang konsep retorik penerangan dalam karangan bahasa Melayu.
2. Menganalisis penggunaan retorik penerangan dalam karangan bahasa Melayu murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka.
3. Menghuraikan keberkesanan pengajaran retorik penerangan dalam karangan murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka

### **Metodologi**

#### ***Reka bentuk kajian***

Bagi memastikan pencapaian objektif dapat dicapai pengkaji telah memilih untuk menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan disokong oleh data kualitatif. Kajian ini melibatkan murid tingkatan empat SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka sebagai peserta kajian. Terdapat tiga instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Pemerolehan data bagi objektif yang pertama adalah dengan menggunakan kaedah borang soal selidik. Pada awalnya, pengkaji akan menjalankan pengajaran berkaitan tajuk retorik penerangan kepada murid tingkatan empat. Pengajaran yang dijalankan adalah selama 1 jam 20 minit bersamaan dua waktu pengajaran. Sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dijalankan, pengkaji telah membataskan satu topik untuk diajarkan iaitu penggunaan teknik retorik penerangan. Selain itu, pengkaji juga telah menjalankan beberapa aktiviti untuk menguji kefahaman murid terhadap topik yang diajarkan. Pada akhir PdP, guru telah mengedarkan borang soal selidik untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar mengenai topik retorik penerangan yang telah dipelajari. Tujuan pengajaran ini dijalankan hanyalah bertujuan untuk mendedahkan murid kepada penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan serta menguji kefahaman murid terhadap penggunaan teknik retorik penerangan dalam penghasilan penulisan karangan bahasa Melayu. Data ini akan dihuraikan secara kuantitatif. Instrumen kedua adalah lembaran kerja pelajar iaitu karangan pelajar untuk mengenal pasti tahap kefahaman pelajar tentang konsep retorik penerangan. Penulisan karangan yang dihasilkan perlulah menepati ciri yang ditentukan iaitu penulisan karangan antara 350 hingga 500 patah perkataan. Bagi peruntukan masa pula, sampel akan diberi masa selama 1 jam 30 minit untuk menyiapkan penulisan karangan. Pengkaji telah menetapkan tajuk yang sama bagi penulisan karangan. Tajuk yang diberikan adalah “Kesan Penggunaan Telefon Pintar dalam Kalangan Remaja”. Berdasarkan tajuk karangan yang diberi, pengkaji akan menganalisis penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, aspek yang dikaji adalah penggunaan retorik penerangan berdasarkan bukti, maklumat baharu, maklumat lama dan penerangan berdasarkan sebab dan akibat. Akhir sekali, bagi mencapai objektif yang ketiga, pengkaji menggunakan kaedah temu bual bersama peserta kajian iaitu untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan pengajaran retorik penerangan dalam penulisan karangan. Data-data ini akan dihuraikan secara kualitatif deskriptif.

#### **Responden kajian**

Responden kajian melibatkan 28 orang murid daripada salah satu kelas tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek iaitu kelas 4 UM. Pemilihan responden adalah secara persampelan mudah. Kesemua pelajar berumur 16 tahun dan sudah diperkenalkan dengan topik membina karangan berdasarkan retorik penerangan. Bilangan murid mengikut jantina adalah seramai 10 orang murid lelaki manakala bilangan murid perempuan adalah seramai 18 orang. Pengkaji memilih murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek kerana murid-murid ini bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Oleh sebab itu, kajian ini wajar dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran menulis dalam penulisan karangan. Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu murid

tersebut menguasai kemahiran menulis yang lebih baik dan menghasilkan ayat yang lebih gramatis. Hasil ujian yang dijalankan akan dikumpulkan sebagai data maklumat untuk dianalisis kekerapan dan dikira pemeratusan kepenggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan murid. Hasil daripada pengiraan tersebut akan dipindahkan dalam bentuk jadual.

## Dapatan dan perbincangan

### 1) Tahap kefahaman murid tentang konsep retorik penerangan

Kefahaman murid memahami konsep retorik penerangan adalah sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengetahuan murid mengenai penggunaan cara dan teknik yang betul bagi menerangkan sesebuah idea. Penerangan idea yang jelas menunjukkan kemampuan murid untuk menghasilkan penulisan karangan yang baik sekaligus menunjukkan bahawa murid tersebut telah menguasai teknik retorik penerangan ini. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mengumpulkan data dan memindahkan maklumat berkaitan tahap kefahaman murid tentang konsep retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu dalam bentuk jadual daripada borang soal selidik yang dikumpul. Jadual 1 menunjukkan hasil dapatan yang dikumpul oleh pengkaji tentang tahap kefahaman murid mengenai konsep retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu.

**Jadual 1 : Peratusan Kefahaman Murid Mengenai Konsep Retorik Penerangan**

Kefahaman Pelajar	Ya (%)	Tidak (%)
Fungsi retorik penerangan bertujuan untuk memberi penjelasan tentang sesuatu perkara dengan terperinci.	67.86	32.14
Retorik penerangan berdasarkan maklumat terbahagi kepada dua bahagian iaitu penerangan berdasarkan maklumat lama dan penerangan berdasarkan maklumat baru.	85.71	14.29
Retorik penerangan berdasarkan bukti memerlukan bukti yang tepat dan sah dalam menyampaikan idea.	96.42	3.57
Retorik penerangan berdasarkan bukti dan penerangan berdasarkan sebab dan akibat mempunyai penerangan yang hampir sama.	42.86	57.14
Retorik penerangan berdasarkan maklumat lama ialah maklumat umum yang diketahui pembaca.	71.43	28.57

Berdasarkan Jadual 1, pengkaji telah memperoleh maklumat tentang tahap kefahaman murid mengenai topik retorik penerangan yang diajar. Bagi pernyataan yang pertama, seramai 19 orang murid bersamaan 67.86% menyatakan setuju bahawa retorik penerangan bertujuan untuk memberi penerangan tentang sesuatu secara jelas dan terperinci manakala 32.14% menyatakan tidak pada pernyataan tersebut. Seramai 27 orang murid (96.42%) daripada 28 orang murid yang bersetuju bahawa retorik penerangan berdasarkan bukti memerlukan bukti yang kukuh untuk menjelaskan dan membuat perkaitan antara idea untuk memastikan ayat yang dihasilkan lebih bermaklumat dan mempunyai bukti yang kukuh. Pernyataan ini mencatatkan jumlah peratusan yang paling tinggi, menunjukkan bahawa murid dapat memahami dengan baik fungsi setiap aspek penerangan yang dijelaskan. Seterusnya, bagi pernyataan kedua tertinggi adalah seramai 24 orang murid bersamaan 85.71% menyatakan setuju bahawa retorik penerangan berdasarkan maklumat terbahagi kepada dua iaitu penerangan berdasarkan maklumat lama dan penerangan berdasarkan maklumat baharu. Berdasarkan maklum balas ini, dapat dilihat bahawa pelajar dapat membezakan antara penerangan maklumat lama dan penerangan maklumat baharu dalam retorik penerangan.

Seterusnya, bagi pernyataan kelima seramai 20 orang murid (71.43%) yang menyatakan setuju pada pernyataan tersebut manakala seramai 8 orang murid (28.57%) yang menyatakan tidak pada pernyataan yang sama. Pernyataan kelima ini menjelaskan bahawa penerangan berdasarkan maklumat lama ialah maklumat yang telah diketahui umum. Oleh yang demikian, berdasarkan maklum balas pelajar, pengkaji mendapati murid tidak keliru dan telah menguasai dengan baik topik retorik penerangan. Akhir sekali ialah pernyataan keempat yang mana pernyataan tersebut menyatakan bahawa penerangan berdasarkan bukti dan penerangan berdasarkan sebab dan akibat mempunyai ciri yang hampir sama mempunyai nilai yang paling rendah untuk setuju iaitu seramai 12 orang murid bersamaan 42.86% berbanding 16 orang murid (57.14%) yang menyatakan tidak pada pernyataan tersebut. Berdasarkan maklum balas tersebut, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa murid keliru dan tidak dapat membezakan antara penerangan berdasarkan bukti dan penerangan berdasarkan sebab dan akibat.

## II) Analisis teknik retorik penerangan

Teknik retorik penerangan adalah dalam bentuk karangan atau wacana yang berusaha untuk memberikan penerangan yang jelas kepada pembaca tentang sesuatu perkara dengan lebih mendalam dan terperinci (Keraf, 2007). Menurut Departemen Pendidikan dan Kebudayaan (1989), teknik retorik penerangan menyajikan sebuah kejadian yang disusun berdasarkan waktu. Dengan kata lain, teknik ini boleh digunakan bukan sahaja dalam bentuk penceritaan malah digunakan untuk memberitahu sebuah cerita kepada khalayak ramai dalam keadaan dan tujuan tertentu (Phelan, 1996). Teknik retorik penerangan yang dianalisis dalam kajian ini adalah terdiri daripada penerangan berdasarkan bukti, bersumberkan maklumat baharu, maklumat lama dan sebab serta akibat.

### Penerangan berdasarkan bukti

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (n.d.) definisi bukti adalah keterangan nyata yang memainkan peranan penting dalam sesebuah penulisan karangan. Konsep penerangan berdasarkan bukti ini digunakan untuk menyokong pendapat penulis. Oleh itu, bukti atau keterangan yang digunakan untuk menyokong isi utama dalam karangan yang dikutip perlu kukuh, tepat, sah dan jelas. Jadual 2 merupakan beberapa contoh ayat yang menggunakan struktur penerangan berdasarkan bukti dalam penulisan karangan murid tingkatan empat di SMK Tun Haji Abdul Malek.

bil	Contoh ayat murid
a	Pertandingan dalam talian ini dapat menjimatkan masa dan kos untuk melaksanakannya. Contohnya, pertandingan Drone Edu 2021 yang diadakan secara atas talian ekoran Pandemik Covid-19 yang semakin menular ketika itu. Pertandingan tersebut tidak memerlukan sebarang bayaran kerana pihak penganjur menjalankan sepenuhnya secara dalam talian. Misalnya, ceramah berkaitan pengenalan program itu dilakukan melalui aplikasi Live di Youtube. (Murid 1)
b	Berdasarkan Hello Dr, Pendidik Ogos 2018 oleh Helma Hassan, kajian mengatakan hampir 80% remaja tidur dengan telefon pintar mereka di sisi dan menggunakannya sebagai jam loceng (Murid 2)

Berdasarkan contoh ayat a, terdapat bukti yang bertindak sebagai penyokong kepada idea pengarang. Bukti yang dinyatakan berperanan sebagai pemberi maklumat lanjut berkenaan huraian idea pengarang. Misalnya, idea pengarang adalah menjelaskan tentang kelebihan sesebuah program yang dijalankan secara dalam talian. Bagi mengukuhkan lagi idea tersebut, pengarang telah memberikan bukti bahawa pertandingan Drone Edu 2021 yang dijalankan sangat menjimatkan masa dan kos. Hal ini demikian kerana, program tersebut tidak memerlukan sebarang bayaran serta taklimat juga dilakukan secara atas talian melalui medium *Live Youtube*. Selain itu, bagi contoh ayat b, bukti yang dinyatakan oleh pengarang ialah statistik penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja sebagai jam loceng. Berdasarkan bukti yang ditunjukkan jelas menunjukkan bahawa data tersebut merupakan data sah yang dikeluarkan oleh artikel Hello Dr pada tahun 2018.

### Penerangan bersumberkan maklumat baharu

Penerangan berdasarkan sumber maklumat baharu adalah maklumat yang belum diketahui oleh pembaca. Maklumat baharu akan wujud apabila pengarang mengaitkan pengalaman yang diperolehi dalam penulisan sebagai pemakluman tambahan kepada pembaca. Penyusunan teks tersebut perlulah mengemukakan maklumat lama dan kemudian maklumat yang baharu serta perlu mempunyai pertautan maklumat antara maklumat lama dan maklumat baharu. Jadual 3 menunjukkan contoh ayat yang menggunakan penerangan bersumberkan maklumat baharu.

**Jadual 3 : Contoh ayat pelajar menggunakan retorik penerangan bersumberkan maklumat baharu.**

bil	Contoh ayat murid
a	Kesan positif yang remaja akan peroleh sekiranya menggunakan telefon pintar ialah dapat memudahkan remaja untuk mencari maklumat untuk menyiapkan dan menyelesaikan tugas mereka. Memandangkan maklumat semuanya kini hanya di hujung jari, jadi remaja akan lebih mudah untuk mengetahui tentang sesuatu keraguan atau sesuatu perkara yang mereka tidak tahu. Misalnya mencari idea karangan dengan melayari Internet. (Murid 3)
b	Ramai pelajar yang hadir ke sekolah tetapi tidur di dalam kelas disebabkan terlalu khusyuk bermain permainan video sampai lewat malam. Mereka tidak tidur pada masa yang ditetapkan tidur. Sebagai seorang pelajar, kita perlu tidur lapan jam sehari untuk mendapatkan minda yang cukup rehat, cerdas, badan yang cergas untuk kehidupan yang sihat. (Murid 4)

Berdasarkan contoh ayat a, pengarang telah memberikan penerangan mengenai kesan positif mengenai penggunaan telefon pintar iaitu digunakan untuk mencari maklumat bagi menyiapkan dan menyelesaikan tugas mereka. Ayat ini merupakan maklumat lama, manakala maklumat baharu yang disampaikan oleh pengarang adalah berkaitan dengan kesan penggunaan telefon pintar tersebut. Pengarang juga menambah beberapa maklumat baharu sebagai bahan tambahan kepada pembaca yang menyatakan bahawa dengan adanya penggunaan telefon pintar ini dapat memudahkan remaja untuk mengetahui tentang perkara-perkara yang tidak diketahui misalnya, mencari idea karangan dengan melayari internet.

Berdasarkan contoh ayat b, pengarang telah menerangkan maklumat lama bahawa pelajar sering tidur di dalam kelas kerana terlalu khusyuk bermain permainan video sehingga tidak mendapatkan tidur yang cukup. Manakala, bagi tambahan iaitu maklumat baharu pula, pengarang menambahkan maklumat bahawa untuk mempunyai tubuh badan yang cergas, minda yang cerdas dan kehidupan yang sihat, remaja perlulah mengamalkan tidur yang cukup iaitu lapan jam sehari. Oleh itu, dapatlah dinyatakan bahawa penambahan maklumat kepada pembaca merupakan maklumat baharu yang diperolehi oleh pembaca.

**Penerangan bersumberkan maklumat lama**

Penerangan bersumberkan maklumat lama merujuk kepada maklumat yang telah diketahui oleh pembaca. Maklumat lama kebiasaannya muncul sebelum penambahan maklumat baharu dalam ayat. Penggunaan teknik penerangan bersumberkan maklumat lama ini dapat membantu pengarang dalam membina ayat rencam atau bervariasi. Jadual 4 menunjukkan contoh ayat yang menggunakan struktur penerangan berdasarkan maklumat lama.

**Jadual 4 : Contoh ayat pelajar menggunakan retorik penerangan bersumberkan maklumat lama.**

bil	Contoh ayat murid
a	Penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja juga boleh menjejaskan kemahiran bersosial dengan orang sekeliling. Remaja masa kini lebih memilih untuk duduk di dalam bilik berbanding bergaul dengan keluarga. (Murid 5)
b	Teknologi semakin berkembang maju di seluruh pelosok dunia. Gajet seperti telefon pintar dan komputer riba digunakan oleh semua orang tidak kira umur, bangsa dan negara. Hal ini demikian kerana, telefon pintar dapat membantu masyarakat mendapatkan maklumat hanya di hujung jari sahaja. (Murid 6)

Berdasarkan contoh ayat a, pengarang telah memberikan penerangan maklumat lama melalui penulisannya iaitu penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja boleh menjejaskan kemahiran bersosial dengan orang sekeliling. Oleh sebab itu, remaja kini lebih gemar untuk duduk di dalam bilik berbanding bergaul dengan keluarga. Berdasarkan contoh ini, penggunaan telefon pintar boleh menjejaskan kemahiran bersosial remaja merupakan pengetahuan umum dan merupakan maklumat yang lama. Hal ini demikian kerana, maklumat lama berfungsi untuk memberi kefahaman kepada pembaca.

Berdasarkan contoh ayat b, pengarang menerangkan tentang perkembangan teknologi yang semakin maju. Penggunaan telefon pintar juga merupakan salah satu gajet yang sering digunakan setiap lapisan masyarakat. Berdasarkan penerangan bersumberkan maklumat lama, dapat dikenalpasti bahawa perkembangan

teknologi dan tujuan gajet digunakan dalam kehidupan seharian untuk mendapatkan maklumat merupakan maklumat lama yang umum dan telah diketahui oleh pembaca.

**Penerangan berdasarkan sebab dan akibat**

Penerangan berdasarkan sebab dan akibat ini menggambarkan perkaitan sebab dan akibat dalam sesebuah penceritaan dalam penulisan. Penerangan akan dilakukan secara berperingkat iaitu dimulakan dengan punca berlakunya sesuatu kejadian atau proses dan seterusnya diikuti dengan akibat atau kesan terhadap sesuatu kejadian. Penerangan berdasarkan sebab dan akibat ini bertujuan menguji kematangan pengarang dalam menghubungkan antara punca dan akibat sesuatu kejadian dalam penulisan. Selain itu, penerangan berdasarkan sebab dan akibat memerlukan pengarang untuk menganalisis setiap punca yang boleh menyebabkan kesan kepada sesuatu kejadian. Pengarang perlu memikirkan tentang kemungkinan faktor lain yang boleh dikaitkan atau saling mempengaruhi. Jadual 5 menunjukkan contoh ayat yang menggunakan penerangan berdasarkan sebab dan akibat dalam penulisan karangan Bahasa Melayu.

**Jadual 5 : Contoh ayat pelajar menggunakan retorik penerangan berdasarkan sebab dan akibat.**

bil	Contoh ayat murid
a	Antara kesan negatif atau kesan buruk penggunaan telefon pintar ini kepada remaja ialah mereka sering leka bermain permainan video secara dalam talian sehingga menyebabkan mereka lalai dalam pelajaran dan tidak menyiapkan tugas yang telah diberikan oleh guru. Akibat daripada itu, mereka akan sering tidur lewat sehinggakan mereka tidak hadir ke sekolah. Hal ini akan menyebabkan mereka tidur di dalam kelas dan tidak memberi fokus dalam kelas sekaligus akan menjatuhkan prestasi mereka sewaktu peperiksaan. (Murid 7)
b	Penggunaan telefon pintar yang terlalu lama boleh menyebabkan rabun. Hal ini disebabkan oleh sikap remaja yang gemar bermain telefon pintar dalam keadaan yang gelap. Kesannya, remaja tersebut akan mengalami masalah penglihatan seperti rabun. (Murid 8)

Berdasarkan contoh ayat a, terdapatnya penggunaan penerangan berdasarkan sebab dan akibat. Pengarang menyatakan punca pelajar leka dan tidak menyiapkan tugas yang diberi oleh guru adalah disebabkan remaja tersebut sering bermain permainan video secara dalam talian dengan menggunakan telefon pintar sehingga menyebabkan mereka leka dengan permainan video. Oleh sebab itu, pelajar akan mula hilang fokus dalam pelajaran dan sering tidur lewat sehinggakan mereka tidak hadir ke sekolah sekaligus mempengaruhi prestasi pelajaran mereka. Berdasarkan contoh penerangan yang diberi, jelas menunjukkan bahawa pengarang menerangkan tentang punca, sebab dan akibat yang berlaku kepada remaja akibat penggunaan telefon pintar yang berlebihan.

Selain itu, berdasarkan contoh ayat b, pengarang juga turut menggunakan penerangan berdasarkan sebab dan akibat. Berdasarkan contoh ayat tersebut, pengarang telah menyatakan bahawa penggunaan telefon pintar yang terlalu lama dalam gelap merupakan punca utama remaja mengalami masalah penglihatan. Seterusnya, pengarang juga menyatakan bahawa kesan dan akibat kepada remaja adalah remaja akan mengalami masalah penglihatan seperti rabun. Jelaslah bahawa pengarang mempunyai keupayaan untuk menyatakan punca sebab dan akibat terhadap sesuatu kejadian dengan menerangkan secara terperinci dan berperingkat.

**Jadual 6 : Ke kerap an Penggunaan Teknik Retorik Penerangan dalam Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat**


*Kekerapan Penggunaan Teknik Retorik Penerangan dalam Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat*

Retorik penerangan	Jumlah kekerapan	Jumlah peratusan (%)
Penerangan berdasarkan bukti	6	8
Penerangan berdasarkan maklumat baharu	19	25.3
Penerangan berdasarkan maklumat lama	23	30.7
Penerangan berdasarkan sebab dan akibat	27	36
Jumlah	75	100



Dapatan kajian menunjukkan murid kerap menggunakan teknik retorik penerangan berdasarkan sebab dan akibat dalam penulisan karangan yang ditulis. Retorik penerangan jenis ini mencatat sebanyak 27 contoh ayat iaitu bersamaan dengan 36%. Jenis retorik yang tertinggi dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. Jenis retorik penerangan yang kedua tertinggi digunakan adalah retorik penerangan berdasarkan maklumat lama iaitu sebanyak 23 jumlah kekerapan bersamaan dengan 30.7%. Seterusnya, penggunaan penerangan berdasarkan maklumat baharu adalah sebanyak 19 jumlah kekerapan iaitu bersamaan dengan 25.3%. Akhir sekali, penggunaan penerangan berdasarkan bukti berada pada tahap yang paling rendah penggunaannya dalam penulisan karangan Bahasa Melayu iaitu sebanyak 6 jumlah kekerapan bersamaan dengan 8%.

Rajah 1: Peratusan Kekerapan Penggunaan Retorik Penerangan



Statistik ini menunjukkan bahawa penggunaan retorik penerangan berdasarkan sebab dan akibat banyak digunakan dalam penulisan karangan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh pelajar di SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka. Penggunaan retorik penerangan sebab dan akibat ini lebih mudah digunakan berbanding retorik penerangan yang lain. Selain itu, penggunaan retorik penerangan sebab dan akibat ini kerap digunakan kerana berdasarkan tajuk karangan yang diberi memerlukan pelajar untuk menganalisis kesan-kesan penggunaan telefon pintar dalam kalangan remaja. Seterusnya, penggunaan retorik penerangan berdasarkan maklumat lama juga banyak digunakan oleh sampel kajian dalam menghasilkan penulisan karangan. Hal ini demikian kerana, penggunaan retorik penerangan berdasarkan maklumat lama ini digunakan untuk menerangkan kepada pembaca agar pembaca dapat memahami idea yang hendak di sampaikan oleh penulis. Di samping itu, penggunaan retorik penerangan berdasarkan maklumat lama ini juga merupakan penerangan yang telah diketahui umum. Oleh sebab itu, penggunaan retorik penerangan berdasarkan maklumat lama ini digunakan untuk menerang secara umum mengenai sesuatu isu yang dibincangkan.

### III) Keberkesanan pengajaran retorik penerangan dalam karangan murid

Keberkesanan pengajaran guru diukur melalui kaedah ujian pos dan kaedah temu bual guru bersama pelajar. Kaedah ujian pos digunakan adalah untuk mengenal pasti tahap kemampuan pelajar mengenai kemahiran menulis karangan. Hal ini bertujuan untuk membandingkan tahap penguasaan pelajar mengenai topik retorik penerangan sebelum dan selepas pembelajaran topik retorik penerangan ini didedahkan. Selain itu, ujian pra dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan data-data bagi mengesan murid-murid yang lemah dalam penghasilan penulisan karangan bahasa Melayu. Pada fasa ujian pra, pengkaji telah mengedarkan soalan karangan yang bertajuk "Laporan lawatan sambil belajar Persatuan Sejarah Sekolah." Berdasarkan data yang dikumpul melalui penulisan karangan murid bagi ujian pra ini, pengkaji telah memperoleh beberapa hasil penulisan karangan pelajar yang dianggap lemah daripada segi penerangan idea. Penulisan karangan yang dikumpul dilampirkan di dalam Jadual 7.

**Jadual 7 : Hasil penulisan karangan pelajar (lemah daripada segi penerangan idea)**

Bil	Contoh ayat murid
a	Kami bertolak dari sekolah terus menuju ke destinasiya. (Murid 9) Antara usaha-usaha yang perlu diambil untuk memastikan sektor pelancongan berikutan ini terus mendapat sambutan masyarakat antarabangsa ialah membangunkan bangunan bersejarah di Melaka lebih dikenali sebagai bangunan merah terletak di bandar raya Melaka. (Murid 10)
b	
c	Saya amat gembira kerana mendapat pengalaman yang baik dan saya mendapat pelajaran yang saya difahami. (Murid 11)
d	Seterusnya, kita juga boleh mempromosikan sektor pelancongan kepada orang ramai dengan cara seperti di sekolah boleh mengadakan lawatan. (Murid 12)
e	) Pada hari lawatan itu, saya berasa seronok kerana dapat belajar macam- macam pasal sejarah-sejarah Melaka. Banyak sejarah Melaka yang berada dekat situ. (Murid 13)
f	Destinasi pertama saya, guru-guru dan murid-murid pergi ke Melaka. Di Melaka terdapat banyak tempat yang cantik dan bersih. Saya dan murid- murid melawat ke A Famosa. (Murid 14)
g	Kita pergi ke muzium Negara. Muzium Negara sangat besar dan cantik. (Murid 15)
h	Muzium Melaka adalah salah satu tempat bersejarah. (Murid 16)
i	Selain itu, kita akan pergi ke Langkawi untuk makan makanan yang enak. (Murid 17)
j	Di dalam muzium tersebut saya ternampak pelbagai barangan bersejarah dan istimewa. (Murid 18)

Berdasarkan contoh ayat a, pengkaji mendapati bahawa murid tidak mampu untuk menyatakan sesuatu peristiwa atau keadaan itu dengan jelas. Ayat “kami bertolak dari sekolah terus menuju ke destinasiya” tidak menjelaskan secara terperinci destinasi pertama yang dituju. Hal ini demikian kerana, terdapat lima destinasi yang akan dituju pada hari tersebut. Selain itu, bagi contoh ayat b menunjukkan ketidakmampuan murid untuk menghuraikan dengan lebih lanjut. Hal ini demikian kerana, murid tidak mampu menyampaikan idea utama. Sebagai contoh, idea yang hendak disampaikan adalah mengenai usaha-usaha untuk memastikan sektor pelancongan mendapat sambutan masyarakat antarabangsa, namun huraian yang dinyatakan tidak dapat menjelaskan tentang usaha yang boleh dilakukan.

Contoh ayat c pula menunjukkan pelajar tidak mampu menerangkan mengenai ilmu yang diperoleh misalnya, semasa melawat Kota A Famosa murid dapat mengetahui mengenai sejarah kewujudan bangunan tersebut yang telah wujud pada tahun yang berikut. Binaan ayat yang mudah akan menyebabkan murid kekurangan bilangan patah perkataan dan ayat yang dihasilkan tidak bermakna dan jelas. Selain itu bagi contoh ayat d binaan ayat yang dihasilkan adalah tidak lengkap iaitu maklumat yang disampaikan tidak jelas. Sekiranya idea yang disampaikan adalah untuk mengadakan lawatan, maka jenis lawatan yang akan dijalankan perlulah dinyatakan untuk memastikan idea yang disampaikan dapat difahami oleh pembaca. Misalnya, lawatan ke Kota A Famosa diadakan untuk mempromosikan pelancong antarabangsa dalam sektor pelancongan di Malaysia.

Seterusnya, bagi contoh ayat e murid tidak menghuraikan lebih lanjut mengenai sejarah yang telah dipelajari. Misalnya, Kota A Famosa mempunyai sejarah yang tersendiri mengenai binaannya. Oleh yang demikian, penulisan karangan yang baik adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat dengan menyatakan bukti-bukti yang ada. Oleh itu, murid boleh menyatakan bukti dan menghuraikan lebih lanjut mengenai sejarah dan perkara menarik yang boleh dilawati dan dilakukan di tempat tersebut. Contoh ayat f pula menunjukkan ketidakmampuan pelajar untuk menyatakan perkara atau situasi yang menyebabkan sesuatu itu menjadi menarik. Idea utama yang ingin disampaikan adalah negeri Melaka mempunyai tempat yang cantik dan bersih. Oleh ~~hal~~ yang demikian, murid boleh menyatakan bukti yang memberi gambaran kepada pembaca tentang negeri Melaka yang cantik dan juga menarik. Hal ini demikian kerana, penerangan dengan memberikan gambaran yang jelas membolehkan pembaca membayangkan idea yang disampaikan.

Ayat g memperlihatkan ayat mudah yang dibina oleh murid mengandungi subjek dan predikat. Tiada unsur penerangan yang lebih mendalam mengenai binaan, warna dan sebagainya. Murid hanya menerangkan mengenai sudut luaran sahaja iaitu saiz muzium yang besar dan cantik. Penggunaan ayat yang mudah juga dapat dilihat pada contoh ayat h dan ayat i. Penggunaan ayat yang mudah dalam penulisan berkemungkinan mempunyai faktor tertentu antaranya adalah kurangnya pengetahuan murid mengenai tempat-tempat atau tajuk yang dibincangkan. Selain itu, pelajar juga tidak mempunyai kemahiran untuk menghuraikan

idea dengan lebih lanjut. Contoh ayat j juga menunjukkan ketidakjelasan mengenai barangan bersejarah yang terdapat dalam Muzium Negara. Ini adalah kerana, pembaca tidak akan mendapat maklumat mengenai barangan bersejarah tersebut.

Oleh yang demikian, dapat dinyatakan bahawa berdasarkan ujian pra yang telah dijalankan pengkaji mendapati bahawa murid tingkatan 4 UM mempunyai kelemahan dalam penulisan karangan. Oleh itu, pelbagai langkah perlu diambil untuk memperbaiki kelemahan tersebut dengan mendedahkan pelajar kepada teknik retorik penerangan dalam penghasilan penulisan karangan bahasa Melayu agar karangan yang dihasilkan lebih berstruktur dan bermakna. Selain itu, kaedah temu bual dijalankan bagi mengutip data akhir. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara itu telah difahami dan dikuasai oleh seseorang individu. Penggunaan kaedah temu bual yang digunakan pengkaji bertujuan untuk mendapatkan maklum balas murid mengenai proses pembelajaran yang telah berlangsung. Berdasarkan respon yang diperoleh, pengkaji akan menganalisis keberkesanan pengajaran guru dalam topik retorik. Kaedah temu bual ini dijalankan pada akhir waktu pengajaran. Pemilihan responden juga adalah seramai empat orang sahaja. Soalan yang diajukan juga adalah sama iaitu mengenai topik pembelajaran pada hari tersebut. Perbualan antara pengkaji dan murid ditranskripsikan dan boleh didapati dalam jadual 8.

**Jadual 8 : Respon pelajar berkaitan Topik Retorik Penerangan oleh guru.**

Responden	Jawapan murid
M1	Baiklah, apa yang saya boleh saya rumuskan adalah berdasarkan pembelajaran hari ini mengenai topik retorik penerangan saya dapat mempelajari bahawa terdapat empat jenis retorik penerangan iaitu retorik penerangan berdasarkan bukti, sebab dan akibat, maklumat lama dan juga maklumat baru. Keempat-empat jenis retorik penerangan ini mempunyai fungsi yang tersendiri dalam penulisan karangan. Contohnya, penerangan berdasarkan bukti memerlukan saya untuk memberikan penerangan dengan menyatakan bukti yang tepat. Apabila bukti dapat dinyatakan dalam penulisan, maka huraian yang dibuat tidak akan terpesong.
M2	Berdasarkan pembelajaran pada hari ini, perkara yang saya dapat rumuskan adalah melalui retorik penerangan, saya dapat menghuraikan idea utama dalam penulisan karangan dengan lebih baik dan terperinci. Misalnya, berdasarkan aktiviti yang dilakukan tadi saya mampu untuk menghuraikan dengan lebih terperinci berkenaan gejala ponteng sekolah dengan menyatakan contoh, bukti, dan sebab akibat yang berlaku apabila kita ponteng sekolah. Oleh sebab itu, saya merasakan penulisan karangan saya sebentar tadi terlihat lebih jelas dan bermaklumat.
M3	Berdasarkan pembelajaran pada hari ini, apa yang dapat saya rumuskan adalah setelah mempelajari retorik penerangan, saya dapat mengetahui tentang komponen cara untuk menghurai dengan menyatakan justifikasi, sebab dan akibat, mengemukakan pembuktian yang tepat dalam bentuk peristiwa, fakta, statistik, perlanjutan maklumat dengan memasukkan fakta dan contoh.
M4	Pembelajaran mengenai retorik penerangan ini banyak membantu saya untuk memantapkan lagi penulisan saya dengan menghuraikan dengan lebih lanjut. Hasilnya dengan mengimplementasikan retorik penerangan dalam penulisan ini maka akan terhasillah sebuah wacana yg lebih utuh dan menarik.
M5	Penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu membantu saya menghuraikan idea agar menjadi lebih bermakna.
M6	Retorik penerangan berfungsi untuk memberi gambaran yang lebih jelas dalam bentuk penulisan kepada pembaca.
M7	Pembelajaran mengenai retorik penerangan sedikit sebanyak membuka mata saya untuk menghasilkan penulisan yang lebih baik, misalnya dengan menyatakan bukti, menghuraikan sebab dan akibat dan menjelaskan maklumat yang ingin disampaikan.
M8	Pembelajaran harini menyedarkan saya tentang bagaimana untuk memanjangkan lagi isi karangan saya. Yang mana selama ini saya sering menggunakan ayat mudah ketika menulis karangan kepada ayat yang lebih berstruktur iaitu disertakan dengan contoh

*bersambung*

dan bukti.

- M9 Pada hari ini saya mempelajari tentang retorik penerangan yang mana banyak membantu saya untuk menghasilkan karangan yang lebih baik dengan menggunakan teknik-teknik tertentu.
- M10 Pada pendapat saya, retorik penerangan sangat bagus untuk digunakan dalam penulisan karangan, sebab retorik penerangan berfungsi untuk membantu menghuraikan dengan lebih lanjut agar penulisan yang dihasilkan mudah difahami dan mempunyai kejelasan untuk sampaikan maklumat dan idea.
- 

Berdasarkan maklum balas yang diterima, pengkaji dapat merumuskan bahawa responden yang dipilih telah menguasai topik penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Hal ini demikian kerana, berdasarkan respon yang diberi, kebanyakan mereka menerapkan teknik atau kaedah yang diajar dalam penulisan mereka. Misalnya, responden M1 menyatakan bahawa dirinya telah mampu untuk menghuraikan idea dengan memberikan bukti dan contoh. Di samping itu, responden M2 juga menyatakan bahawa penggunaan retorik penerangan membantu dirinya untuk terus mengaitkan idea tanpa ada unsur lewah dan ayat yang dihasilkan lebih bermaklumat dan jelas. Seterusnya, penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan juga berfungsi sebagai panduan untuk pelajar M3 menghuraikan idea. Hal ini demikian kerana, bagi penerangan berdasarkan bukti murid perlu menghuraikan idea dengan mengemukakan bukti yang tepat, fakta yang tepat dan perlanjutan maklumat yang memerlukan murid untuk memasukkan fakta dan contoh dalam penulisan. Oleh yang demikian, penulisan yang dihasilkan akan lebih berkualiti dan bermaklumat. Maklum balas bagi murid M4 juga memberikan jawapan yang positif. Murid M4 menyatakan bahawa penggunaan teknik retorik penerangan dalam penulisan karangan ini banyak membantu dirinya dalam memantapkan lagi huraian dalam penulisan karangan yang dihasilkan. Tambahnya lagi, dengan menerapkan teknik tersebut dalam penulisan karangan, hasil penulisan karangan akan lebih menarik. Responden M5 menyatakan bahawa penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan banyak membantu mereka untuk menghuraikan idea agar penulisan yang dihasilkan menjadi lebih bermakna. Kebanyakan murid tingkatan empat ini gemar menghasilkan ayat mudah yang tidak menghuraikan idea dengan lebih terperinci. Oleh yang demikian, ayat yang dihasilkan menjadi tidak bermakna kerana tidak mempunyai huraian yang jelas. Selain itu, responden M6 dan M7 turut menyatakan hal yang sama iaitu penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan mampu untuk memberi gambaran yang jelas kepada pembaca. Misalnya, maklumat yang ingin disampaikan adalah mengenai kesalahan salah laku. Oleh hal yang demikian, dengan menggunakan teknik retorik ini, pelajar mampu menghuraikan idea dengan menambahkan bukti dan contoh dalam penulisan agar dapat memberi gambaran yang jelas kepada pembaca.

Seterusnya bagi responden M8 dan M9 menyatakan bahawa penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu membantu murid untuk menambahkan lagi huraian idea dengan menggunakan teknik-teknik retorik penerangan dalam penulisan karangan. Kesedaran murid untuk menghuraikan idea dengan lebih jelas dapat membantu mereka menghuraikan idea karangan dengan membuat perkaitan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Akhir sekali, responden M10 sangat bersetuju bahawa penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan ini sememangnya membantu murid untuk menghurai, menjelas dan menerangkan idea agar ayat yang dihasilkan lebih berstruktur, bermakna dan jelas.

### **Kesimpulan dan cadangan**

Secara keseluruhannya, penyelidik telah membahagikan data kepada tiga bahagian iaitu bahagian kefahaman pelajar tentang konsep retorik penerangan, bahagian analisis retorik penerangan dan bahagian keberkesanan pengajaran retorik penerangan. Berdasarkan dapatan yang dikumpul daripada analisis retorik penerangan, pengkaji mendapati bahawa penggunaan retorik penerangan banyak membantu pelajar dalam menghasilkan penulisan karangan yang lebih bermutu. Hal ini dapat dilihat melalui kekerapan penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji juga dapat merumuskan bahawa pengajaran penggunaan retorik penerangan dalam penulisan karangan dapat memudahkan pelajar untuk menghuraikan idea berdasarkan konsep teknik retorik penerangan yang telah diajar.

## Rujukan

- Asrul Azuan Mat Dehan, & Nor Azuwan Yaakob. (2015). Teknik retorik dalam novel Salina karya A. Samad Said. *Language Education and Applied Linguistics*, 2, 49-59. <https://doi.org/mhnc>
- Asrul Azuan Mat Dehan, Nor Azuwan Yaakob, & Nik Fazrul Azri Nik Azis. (2017). Penerapan retorik gaya skema dalam pengkaryaan novel Salina. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 60-78.
- Awang Sariyan. (2006, Januari). Retorik sebagai alat berbahasa. *Pelita Bahasa*, 18(1)
- Corbett, E.P. J., & Connors, R. J. (1999). *Classical rhetoric for the modern student* (4th ed.). Oxford University Press.
- Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. (1989). Teknik retorik penerangan menyajikan sebuah kejadian yang disusun berdasarkan waktu. In *Kamus Besar Bahasa Indonesia*.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (n.d). *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Retrieved February 23, 2024, from <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bukti>
- Keraf, G. (2007). *Diksi dan gaya bahasa* (New ed.). Gramedia Pustaka Utama.
- Lanham, R. A. (1991). *A handlist of rhetorical terms*. The Regents of the University of California.
- Grice, H. P., & Morgan, J. L. (1975). Logic and conversation. In P. Cole (Ed.), *Syntax and semantics: Vol. 3* (pp. 41-58). New York: Academic Press.
- Phelan, J. (1996). *Narrative as Rhetoric: Technique, audiences, ethics, ideology*. The Ohio State University Press.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam novel-novel Abdullah Hussain* [Doctoral thesis, Universiti Putra Malaysia]. Universiti Putra Malaysia Institutional Repository. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/4799>
- Zamimah Osman, & Nuraini Yusoff. (2019). Retorik penulisan ilmiah: Penilaian berdasarkan prinsip kerjasama Grice. *Language Education and Applied Linguistics*, 9(1), 69-83. <https://doi.org/mhm4>